

18/11/1998

Tajol perjelas tindakan pecat Anwar

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Selasa - Tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bukan kerana konspirasi, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Beliau menjelaskan Perdana Menteri mengambil tindakan itu terhadap Anwar kerana alasan moral iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri terbabit dengan kegiatan liwat dan rasuah.

"Isu moral adalah perkara biasa dan perkara ini akan ditentukan oleh mahkamah," kata Tajol ketika ditemui di sini.

Beliau berharap pemimpin negara anggota Asean dan negara lain memahami tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri terhadap Datuk Seri Anwar.

(END)